

MEMO

Bilangan : **2/2022**

Kepada : **Semua pelajar Asas 1 – Tahap 1**
Kolej GENIUS@Pintar Negara, UKM
(Kampus Bangi dan Seremban)

Daripada : **Cik Nur Shamim binti Hamzah**
Penyelaras Hal Ehwal Pelajar, Kolej GENIUS@Pintar Negara
Kampus Bangi

Puan Hawa Aqilah binti Hamuzan
Penyelaras Hal Ehwal Pelajar, Kolej GENIUS@Pintar Negara
Kampus Seremban

Salinan kepada : **Prof. Madya Dr. Rorlinda binti Yusof**
Pengarah, Pusat GENIUS@Pintar Negara, UKM

Encik Mohd Hakimie bin Zainal Abidin
Timbalan Pengarah, Pusat GENIUS@Pintar Negara, UKM

Pn Siti Aishah binti Hassan
Ketua Kolej, Kolej GENIUS@Pintar Negara, UKM

Tarikh : 21 Januari 2022 (Jumaat)

PUSAT GENIUS@Pintar NEGARA

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 7503/7505 Faks: +603-8921 7525 E-mel: permatapintar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/geniuspintar

PEMAKLUMAN TARIKH KEMBALI KE KOLEJ DAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) MASUK PELAJAR KOLEJ GENIUS@Pintar NEGARA, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

1.0 Latar Belakang

- 1.1 Memo ini bertujuan untuk memaklumkan tarikh kembali ke kolej, proses pengendalian dan SOP kemasukan pelajar selepas cuti perayaan Tahun Baru Cina.
- 1.2 Memo ini adalah berdasarkan kepada Garis Panduan Pengurusan Dan Pengoperasian Sekolah 3.0 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan memo bilangan 9 yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) UKM.

2.0 Tarikh Pulang

- 2.1 Pelajar Asas 1, 2, 3 dan Tahap 1 di Kolej GENIUS@Pintar Negara Kampus Bangi dan Kampus Seremban akan kembali ke kolej pada **07 Februari 2022 (Isnin)**.
- 2.2 UKM hanya membenarkan pelajar masuk setelah mencapai **IMUNISASI LENGKAP**. Imunisasi lengkap bermaksud pelajar perlu melepasi 14 hari selepas tarikh suntikan kedua vaksin Pfizer yang diberikan kepada pelajar sekolah.
- 2.3 Pelajar akan menjalani pembelajaran secara bersemuka tanpa pemantauan sendiri sehingga 25 Februari 2022. Sebarang perubahan tarikh dalam takwim akan tertakluk kepada pindaan semasa yang dilakukan oleh KPM.

PUSAT GENIUS@Pintar NEGARA

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 7503/7505 Faks: +603-8921 7525 E-mel: permatapintar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/geniuspintar

3.0 Pergerakan dan Pengangkutan Pelajar

- 3.1 Para pelajar akan pulang ke kolej pada **07 Februari 2022 (Isnin)** mulai jam **9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari** mengikut ketapan masa berikut:

Kelas (Kampus Seremban)	Kelas (Kampus Bangi)	Masa
1K1, 1K2 & 1K3	4K1, 4K2 & 4K3	9.00 - 10.00 pagi
1K4, 1K5 & 1K6	4K4, 4K5 & 4K6	10.00 -11.00 pagi
2K1, 2K2 & 2K3	3K1 & 3K2	11.00 pagi - 12.00 tengah hari
2K4, 2K5 & 2K6	3K3 & 3K4	12.00 - 1.00 tengah hari

- 3.2 Pelajar hendaklah **MEMATUHI** jadual yang ditetapkan bagi mengelakkan kesesakan yang boleh menyebabkan risiko jangkitan serta melancarkan pelaksanaan Ujian Kendiri COVID-19.
- 3.3 Hanya **DUA** orang dalam kalangan ibu bapa/penjaga/pihak dipertanggungjawabkan dengan **IMUNISASI LENGKAP** sahaja dibenarkan menurunkan anak/anak jagaan di tempat yang ditetapkan oleh pihak kolej (*drop off point*).
- 3.4 *Drop off point* di Kampus Bangi adalah di **Dewan Serbaguna**. Manakala *drop off point* di Kampus Seremban adalah di **Dewan Makan**.
- 3.5 Pihak pusat menggalakkan pelajar yang tinggal di negeri-negeri Semenanjung Malaysia untuk pulang dengan menaiki kenderaan ibu bapa/ penjaga masing-masing. Hal ini penting untuk mengurangkan risiko pelajar terdedah kepada jangkitan virus jika menaiki kenderaan awam.
- 3.6 Kenderaan yang digunakan untuk menghantar pelajar perlu diselenggara, berada dalam keadaan selamat, disanitasi dan mempunyai pemandu kedua (bas yayasan/persatuan anak negeri).

PUSAT GENIUS@Pintar NEGARA

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 7503/7505 Faks: +603-8921 7525 E-mel: permatapintar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/geniuspintar

4.0 Pengurusan Kesihatan Sebelum Kembali ke Asrama

- 4.1 Setiap pelajar **WAJIB** melakukan saringan kesihatan (pemeriksaan suhu) sebelum menaiki kenderaan.
- 4.2 Setiap pelajar **WAJIB** menjaga penjarakan fizikal, memakai pelitup muka dan menjaga kebersihan diri sepanjang perjalanan.
- 4.3 Pelajar yang **SIHAT DAN TIDAK BERGEJALA SAHAJA** dibenarkan kembali ke kolej dengan syarat mereka dan ahli keluarga yang tinggal serumah tidak berada dalam tempoh menjalani kuarantin/tiada kontak rapat.
- 4.4 Pelajar **WAJIB** mengemukakan Borang Pengisytiharan Kesihatan (Lampiran 1) dan Borang Kebenaran Ibu/Bapa/Penjaga Pelaksanaan Ujian Kendiri Covid-19 (Lampiran 2) semasa kembali ke kolej dan diserahkan kepada petugas pelaksana Ujian Kendiri Covid-19.

5.0 Pengurusan Kaedah Pandu Lalu dan Tatacara Pelaksanaan Ujian Kendiri COVID-19

- 5.1 Ibu bapa/penjaga/pihak dipertanggungjawabkan akan menurunkan anak/anak jagaan di *drop off point* dan menunggu di kawasan parkir sementara yang telah ditetapkan mengikut kampus seperti di Lampiran 3. Petugas pelaksana akan membantu memberi tunjuk arah kedudukan lokasi parkir sementara.
- 5.2 Setiap individu dalam kenderaan **WAJIB** megimbas kod QR MySejahtera di *drop off point* sebelum meninggalkan anak/anak jagaan.
- 5.3 **HANYA PELAJAR** dibenarkan turun dari kenderaan untuk ke tempat Ujian Kendiri COVID-19.

PUSAT GENIUS@Pintar NEGARA

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 7503/7505 Faks: +603-8921 7525 E-mel: permatapintar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/geniuspintar

- 5.4 Setiap pelajar **WAJIB** mengimbas kod QR MySejahtera di *drop off point* dan melakukan ujian saringan kesihatan sebelum bergerak ke tempat Ujian Kendiri COVID-19.
- 5.5 Ibu bapa/penjaga/pihak dipertanggungjawabkan hendaklah menunggu di dalam kenderaan masing-masing di kawasan parkir sementara sehingga anak/anak jagaan mendapat keputusan Ujian Kendiri COVID-19.
- 5.6 Ibu bapa/penjaga/pihak dipertanggungjawabkan **DILARANG** untuk meletakkan kenderaan di mana-mana kawasan larangan berdekatan asrama, blok pembelajaran dan kompleks sukan. Surat peringatan akan dikeluarkan sekiranya peraturan tersebut gagal dipatuhi.

6.0 Lanjutan Pengendalian Keputusan Ujian Kendiri COVID-19

- 6.1 Keputusan Ujian Kendiri COVID-19 akan dimaklumkan kepada pelajar untuk tindakan selanjutnya.
- 6.2 Bagi pelajar yang mendapat keputusan **NEGATIF** ujian *Rapid Test Kit* (RTK) saliva, ibu bapa/penjaga/pihak dipertanggungjawabkan **DIBENARKAN** menghantar barang keperluan kepada anak/anak jagaan di Lobi Dewan Makan (bagi kampus Bangi) dan di asrama (bagi kampus Seremban). Ibu bapa/penjaga **TIDAK DIBENARKAN** untuk turun dari kenderaan masing-masing.
- 6.3 Bagi pelajar yang mendapat keputusan **POSITIF** ujian RTK saliva, ibu bapa/penjaga/pihak dipertanggungjawabkan **PERLU** menghantar anak/anak jagaan ke fasiliti kesihatan berhampiran bagi penilaian kesihatan dan tindakan selanjutnya.
- 6.4 Ibu bapa/ penjaga bertanggungjawab menguruskan anak/anak jagaan untuk kembali ke asrama setelah tamat tempoh kuarantin. Pelajar yang telah tamat tempoh kuarantin serta disahkan bebas daripada jangkitan COVID-19

PUSAT GENIUS@Pintar NEGARA

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 7503/7505 Faks: +603-8921 7525 E-mel: permatapintar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/geniuspintar

dibenarkan kembali ke asrama dan mengikuti sesi pembelajaran secara bersemuka seperti biasa.

7.0 Peraturan Keselamatan

- 7.1 Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** untuk aktiviti keluar (*outing*) dan pulang bermalam sehingga dimaklumkan oleh KPM.
- 7.2 Ibu bapa/penjaga **TIDAK DIBENARKAN** untuk melawat anak/anak jagaan di kampus sehingga dimaklumkan oleh KPM.
- 7.3 Surat peringatan akan dikeluarkan dan demerit markah subjek Pembangunan Jati Diri akan dikenakan kepada pelajar yang melanggar peraturan keselamatan 7.1 dan 7.2.

Rentetan berita tentang peningkatan jangkitan wabak COVID-19 yang melibatkan pelajar sekolah berasama, maka pihak Kolej GENIUS@Pintar Negara memandang serius dan mengambil tanggungjawab dalam menguruskan kemasukan dan penempatan pelajar di asrama KGPN ini. Kerjasama pihak ibu bapa/penjaga/pihak dipertanggungjawabkan dan para pelajar KGPN dalam mematuhi perkara ini amatlah dihargai dan kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

PUSAT GENIUS@Pintar NEGARA

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 7503/7505 Faks: +603-8921 7525 E-mel: permatapintar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/geniuspintar



**BORANG PENGISYTIHARAN KESIHATAN
PUSAT GENIUS@Pintar NEGARA, UKM**

1. Nama:
2. Kelas: 3. No. Bilik:
4. No. Kad Pengenalan: 5. No. Matrik:

6. Adakah anda bertolak balik dari luar negara atau daerah Zon Merah COVID-19?

Ya

Tidak

Nama negara / daerah:

Tarikh bertolak balik:

7. Adakah anda mempunyai simptom berikut ketika kembali ke asrama?

Ya

Tidak

(i) Demam

(ii) Batuk

(iii) Kesukaran bernafas

(iv) Sakit tekak

(v) Simptom-simptom lain (nyatakan)

8. Adakah anda ada berhubung secara fizikal dengan individu yang positif COVID-19?

Ya

Tidak

Pengakuan Pelajar:

1. Saya mengaku bahawa segala keterangan yang diberikan adalah benar.
2. Sekiranya saya didapati memalsukan sebarang keterangan di atas, saya bersedia untuk dikenakan tindakan disiplin sewajarnya.

.....
[Tandatangan Pelajar]

Tarikh:

.....
[Tandatangan Ibu / Bapa / Penjaga]

Tarikh:



**BORANG KEBENARAN IBU/BAPA/PENJAGA
PELAKSANAAN UJIAN KENDIRI COVID-19
PUSAT GENIUS@Pintar NEGARA, UKM**

Saya *ibu/bapa/penjaga
kepada
dari kelas/tingkatanKolej GENIUS@Pintar Negara
*BERSETUJU/TIDAK BERSETUJU untuk membenarkan pihak sekolah/Pejabat Pendidikan Daerah/Jabatan Pendidikan Negeri melaksanakan Ujian Kendiri COVID-19 kepada anak/anak jagaan saya berdasarkan keperluan dan ketetapan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tandatangan *Ibu/Bapa/Penjaga :

No. Kad Pengenalan :


Tarikh :

Sekiranya tidak bersetuju untuk melaksanakan Ujian Kendiri COVID-19, sila nyatakan sebab:

.....
.....
.....
.....
.....
.....

i) Pergerakan Pandu Lalu Kampus Bangi

PETUNJUK	
BT	BLOK PENTADBIRAN
BM.A	BLOK MAKMAL A
BM.B	BLOK MAKMAL B
BK.A	BLOK KELAS PEMBELAJARAN A
BK.B	BLOK KELAS PEMBELAJARAN B
BP	BLOK PENYARAH
BA.A	BLOK ASRAMA A (PEREMPUAN)
BA.B	BLOK ASRAMA B (PEREMPUAN)
BA.C	BLOK ASRAMA C (LELAKI)
BA.D	BLOK ASRAMA D (LELAKI)
KF	KAFETERIA
DS	DEWAN SERBAGUNA
DM	DEWAN MAKAN
AD	AUDITORIUM
KR	KOLAM RENANG
PD	PADANG
PP	PONDOK PENGAWAL
RS	RUMAH SAMPAH



Stesen bertugas:


- S1 Drop off point (kiri) Tepi Dewan Serbaguna
- S2 Drop off point (kanan) Lobi Utama Dewan Makan

PUSAT GENIUS@Pintar NEGARA

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
 Tel.: +603-8921 7503/7505 Faks: +603-8921 7525 E-mel: permatapintar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/geniuspintar

PUSAT GENIUS@Pintar NEGARA • GENIUS@Pintar NATIONAL GIFTED CENTRE

ii) Pergerakan Pandu Lalu Kampus Seremban



**LALUAN KEMASUKAN MURID
KOLEJ GENIUS@PINTAR
NEGARA
(KAMPUS SEREMBAN)**

PETUNJUK	
C1	BLOK PENTADBIRAN DAN KELAS
DM	DEWAN MAKAN
C	ASRAMA PEREMPUAN BLOK C
D	ASRAMA LELAKI BLOK D
	PARKIR SEMENTARA
	DROP OFF POINT

PUSAT GENIUS@Pintar NEGARA

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
 Tel.: +603-8921 7503/7505 Faks: +603-8921 7525 E-mel: permatapintar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/geniuspintar